

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Istilah “dokumen” disebut dalam Bahasa Arab sebagai “*kitābat*”, iaitu kata terbitan daripada perkataan “*kataba*” (*kataba, katban, kitāban*). Selanjutnya *kitāban* memberi maksud sebagai tulisan atau *khaṭ*. Menurut Imam al-Qarafi, Ibn Qayyim dan lain-lain “*kitabah*” bererti tulisan (*khaṭ*) selain merujuk kepada penyalinan ucapan lisan daripada seseorang dengan menggunakan huruf-huruf tertentu.¹ Seseorang ulama pula menyatakan bahawa dokumen juga boleh ditafsirkan sebagai catatan, iaitu yang memberi maksud sebagai tulisan yang dibuat oleh satu-satu pihak atau seseorang sama ada oleh pemerintah, hakim atau rakyat biasa. Dalam hal ini, ia merangkumi dua keadaan sama ada catatan itu berada pada kertas rasmi yang bermeterai, ataupun tidak bermeterai.²

Sehubungan dengan perkara ini, ulama atau fuqaha juga tidak meletakkan definisi khusus terhadap istilah “dokumen”, sebaliknya hanya memberikan perkataan-perkataan lain yang seerti, atau memberikan maksud yang sama dengan catatan seperti *al-sakk, al-hujjāt, al-mahḍar, al-sijjil* dan *al-wathīqat*.³ Penjelasan yang agak sempit oleh ulama silam ini iaitu mengenai *kitabah* —sebagai tulisan zahir yang hanya dapat dibaca melalui penglihatan semata-mata—berkemungkinan dipengaruhi oleh tahap kemudahan dan perkembangan teknologi yang terhad pada ketika itu.

Istilah “hibah” pula merujuk kepada pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain, dengan niat dan

¹ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. *Daurun Qabūl al-Kitābat fī Ithbāt Qadāyā al-Mu’āmalāt al-Māliāt fī al-Fiqh al-Islām wa fī Qānūn al-Baiyyīnat al-Mālīzī*. Nilai: Penerbit USIM. p. 44-45.

² Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. p. 159.

³ Amin al-Jarumi. 2005. *Pembuktian dalam Syariat Islam*. Shah Alam: Penerbit UiTM. p. 69.

tujuan yang baik, tanpa sebarang syarat, imbalan atau balasan.⁴ Terdapat juga ulama yang mengatakan hibah merupakan pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup yang dilakukan secara sukarela.⁵ Sementara itu dalam kitab *al-Fiqh al-Manhāji* menyebut bahawa rukun hibah ialah pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibahkan dan lafaz ijab dan *qabūl*.⁶ Noor Lizza et al., mengkategorikan hibah kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Pengkaji membahagikan hibah bersyarat kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian; hibah bersyarat *'umrā*; dan hibah bersyarat *ruqbā*.⁷

Peruntukan berkaitan dengan hibah di Malaysia hanya dinyatakan secara umum dalam akta atau enakmen pentadbiran negeri-negeri, dan ia tidak menggunakan istilah yang seragam. Contohnya, perkara berkaitan dengan hibah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dinyatakan dalam Seksyen 46(2)(b)(v) dan (vi), Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Sekalipun perkataan hibah tidak diguna pakai dalam akta ini, namun penggunaan perkataan “alang” dalam peruntukan tersebut sama ada semasa *marād-al-maut*⁸ atau semasa hidup, dan “penyelesaian yang dibuat tanpa balasan” boleh difahami sebagai merujuk kepada hibah. Manakala di Negeri

⁴ Rositah Kambol. 2019. “Pengurusan Harta Orang Islam Melalui Hibah: Isu Dan Penyelesaian.” *Journal of Law & Governance*. Melaka: Penerbit KUIIM. Vol. 2. No. 1. p. 100.

⁵ Sharbini, Muhammad al-Khatib. 1995. *Mughnī al-Muhtāj*. Vol. 2. Beirut: Dar al-Fikr. p. 66.

⁶ Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. “Kaedah-kaedah Pembuktian Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Rujukan Kes-kes Dalam Jurnal Hukum”. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Nilai: USIM. Vol. 6. No. 3. Dis. p. 31.

⁷ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. “Pelaksanaan Hibah Dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha”. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Kajang: Penerbit Akademia Baru. Vol. 15. No.1. Mei. p. 59.

⁸ *Marād al-maut* mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- i. sesuatu penyakit itu yang meyebabkan kematian;
- ii. kematian yang diakibatkan oleh sesuatu penyakit itu berlaku dalam masa satu tahun atau selepas masa satu tahun (dalam keadaan penyakit itu bertambah berat);
- iii. sesuatu penyakit itu boleh membuat seseorang pesakit itu lupa atau lalai tentang kepentingan yang bersifat keduniaan.

Sarawak pula menggunakan perkataan “alang semasa hidup”, tetapi turut memasukkan perkataan hibah bagi menerangkan maksud alang tersebut.⁹

Hibah yang turut dikenali sebagai “hadiah *inter vivos*” merupakan satu kaedah terbaik dalam perancangan harta dan ia boleh mengelakkan daripada bertambahnya jumlah aset beku, atau aset yang tidak dituntut di negara ini.¹⁰ Sebagai instrumen yang paling berkesan, industri perancangan harta telah mewujudkan perkhidmatan hibah dan menawarkannya kepada masyarakat awam. Maka wujudlah pelbagai agensi yang menawarkan hibah sebagai produk perkhidmatan mereka. Antaranya ialah Warisan Mukmin Sdn. Bhd., Wasiyyah Shoppe Berhad, As-Salihin Trustee Berhad, CIMB Trustee, dan Amanah Raya Berhad (ARB), selain banyak lagi syarikat lain berikutan perkembangan pesat yang berlaku dalam industri perancangan harta. Agensi-agensi tersebut menawarkan khidmat penulisan; penyediaan dokumen hibah; dan sudah tentu pengurusan hibah itu sendiri,¹¹ selain menawarkan perkhidmatan instrumen perancangan harta yang lain.

Di sinilah kita melihat bahawa dokumentasi dalam hibah ini merupakan perkara yang paling penting dan kritikal bagi mengelakkan pertikaian apabila berlaku kematian oleh pemberi hibah. Seterusnya ia akan memudahkan pengurusan kes-kes hibah diselesaikan di Mahkamah Syariah. Lanjutan daripada perkara ini, konsep dan pemakaian dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia ini adalah amat penting dan relevan untuk dikaji dengan mendalam bagi menentukan kepentingan dokumen

⁹ Dewan Undangan Negeri Sarawak. 2001. *Ordinan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) 2001 (Ord. No. 4/2001)*. Seksyen 10(3)(b)(vi).

¹⁰ Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir & Munirah Selamat. 2018. “Tinjauan Hibah dalam Undang-Undang Pentadbiran Harta Islam di Malaysia: Masalah dan Solusi”. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Kota Bharu: Academic Inspired Network. Vol. 3. No. 15. Dis. p. 13.

¹¹ Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur”. *Al-Qanatr International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. April. p. 33.

itu sendiri, selain daripada kaedah dan pemakaian dokumen tersebut di mahkamah. Kajian ini juga akan menjelaskan kebolehterimaan dan kekuatan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di mahkamah syariah. Rantainya daripada itu juga kajian ini akan turut menyediakan dan membina garis panduan kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian tersebut.

1.2. Pernyataan Masalah

Penggunaan dokumen merupakan satu kaedah yang digunakan dalam sebarang aktiviti muamalah atau transaksi oleh seseorang dengan seseorang yang lain, atau seseorang dengan mana-mana pihak dalam urusan-urusan tertentu yang melibatkan kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Kaedah ini digunakan dalam berbagai-bagai aspek kehidupan manusia pada hari ini. Maka hal ini membuktikan bahawa hasil kreativiti manusia ini, reka cipta atau penciptaan dokumen dan penggunaannya, merupakan kaedah pembuktian yang penting pada masa ini.

Perkara yang dibincangkan ini adalah termasuk penggunaan dokumen bagi membuktikan berlakunya hibah menurut hukum syarak dan undang-undang yang terpakai. Dalam hal ini dokumen berfungsi untuk membuktikan bahawa satu-satu harta tertentu yang diberikan kepada penerima harta berkenaan adalah sah dan diperakui tanpa boleh dicabar oleh waris lain.¹² Sekarang ini terdapat pelbagai agensi yang menawarkan khidmat penulisan, penyediaan dokumen hibah dan pelaksanaannya dalam pemakaian dokumen hibah di Malaysia. Sehubungan dengan perkara ini, kepelbagaian institusi yang

¹² Alias Azhar, Mohamad Azam Hussien, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Nor. 2014. "Hibah Komersil: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur Dan Amalan Di Malaysia". *Seminar Waqfi Ilmi 2014*. Nilai: Penerbit USIM. p. 544.

menawarkan perkhidmatan berasaskan hibah sebagai produk mereka telah menyebabkan wujudnya perbezaan-perbezaan yang ketara dari sudut bentuk produk itu sendiri; pengurusan dan dokumentasi yang akan disediakan atau dilakukan mereka untuk pelanggan-pelanggan mereka.¹³

Kepelbagaian produk hibah ini juga telah menimbulkan masalah semasa proses pengesahan dibuat di Mahkamah Syariah kerana ketiadaan undang-undang yang khusus berkenaan hibah selain Seksyen 46(2)(b)(v) dan (vi) Akta 505.¹⁴ Kepelbagaian dokumen produk hibah yang dibuat berdasarkan pendapat mazhab selain Mazhab Syafii turut menimbulkan permasalahan ketika proses pengesahan hibah disebabkan hakim syarie kebiasaannya merujuk kepada pendapat Mazhab Syafii dalam memutuskan persoalan hibah tersebut. Senario ini telah mengakibatkan wujudnya pandangan dan keputusan oleh hakim-hakim syarie yang berbeza-beza dan tidak seragam.

Contoh perbezaan dokumen hibah ini juga boleh dilihat melalui syarikat Wasiyyah Shoppe Berhad yang menggunakan Dokumen Pengisytiharan hibah, manakala As-Salihin Trustee Berhad menggunakan dokumen Deklarasi Hibah yang merangkumi maklumat hibah dan juga surat kuasa wakil dan Zar Perunding Pusaka menggunakan Surat Hibah.¹⁵ Syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah juga menggunakan rukun-rukun yang berbeza dalam dokumen hibah seperti CIMB Trustee Berhad yang mempunyai enam rukun hibah sementara ARB pula hanya mempunyai empat rukun hibah.¹⁶ Pengkaji bersetuju

¹³ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. April. pp. 34-35.

¹⁴ Malaysia. 1993. *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993*. (Akta 505). Seksyen 46(2)(b)(v) dan (vi).

¹⁵ Ibid. p. 35.

¹⁶ Ibid. pp. 32-33.

bahawa rukun-rukun hibah yang telah dinyatakan secara berbeza ini telah menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat.

Manakala contoh kes yang diputuskan oleh Hakim Bicara tidak seragam disebabkan kepelbagaian mazhab antaranya, seperti dalam kes *Kamsiah Binti Yusof lwn. Latifah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain*.¹⁷ Hakim Bicara memutuskan tuntutan hibah ini ditolak kerana tidak wujud lafaz *qabul* selepas lafaz *ijab* dalam akad hibah sedangkan *sighah* merupakan rukun hibah yang wajib dipenuhi. Begitu juga dalam kes *Faizah Som Binti Abdul Kadir lwn. Yahya Bin Abdul Kadir dan Lain-lain*,¹⁸ Hakim Bicara menolak tuntutan Plaintiff atas alasan *qabul* adalah elemen kedua bagi *sighah* hibah dan tidak berlaku hibah tanpa *qabul* daripada penerima hibah.

Namun keadaan ini berbeza dengan keputusan hakim dalam kes *Abdul Ghani Bin Abdul Kadir lwn. Arpah Binti Abdul Kadir*,¹⁹ kerana hakim memberikan tafsiran bahawa *qabul* tidak disyaratkan sejurus selepas lafaz pemberian. Selain itu, terdapat kes hibah yang diluluskan tuntutannya walaupun elemen *qabul* gagal dibuktikan iaitu kes *Mohd Hassan Bin Ismail lwn. Habshah Binti Alias Dan Lapan Defendan Yang Lain*.²⁰ Hakim Bicara berpandangan kewujudan elemen *qabd* mencukupi bagi mengesahkan hibah tersebut walaupun tanpa *qabul*. Begitu juga dengan pandangan Hakim Bicara dalam kes *Rosmah Binti Sully & Seorang Yang lain lwn Ismail Bin Mohammad & Seorang Yang Lain*²¹ yang menyatakan boleh menentukan kewujudan *qabul* berdasarkan *qarinah*. Manakala hakim

¹⁷ *Kamsiah Binti Yusof lwn. Latifah Binti Yusof dan Tiga Yang Lain* [2008] JH 27 2 73

¹⁸ *Faizah Som Binti Abdul Kadir lwn. Yahya Bin Abdul Kadir dan Lain-lain*. Saman No.: 14700-044-0244-2013. Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

¹⁹ *Abdul Ghani Bin Abdul Kadir lwn. Arpah Binti Abdul Kadir* [2012] JH 35 2 307.

²⁰ *Mohd Hassan Bin Ismail lwn. Habshah Binti Alias Dan Lapan Defendan Yang Lain*. Saman No.: 10300-044-0711-2012. Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam.

²¹ *Rosmah Binti Sully & Seorang Yang lain lwn Ismail Bin Mohammad & Seorang Yang Lain* [2011] JH 32 2 125.

bicara dalam kes *Basa Bin Jaya lwn Maliah Binti Wan dan lain-lain*,²² berpendapat penerima hibah telah melakukan *qabul* dengan cara perbuatan iaitu penerima hibah telah mendiami rumah sejak pemberi hibah hidup sehingga setelah pemberi hibah meninggal dunia.

Dalam konteks konseptual pula, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama terdahulu berbanding para sarjana masa kini berkaitan definisi dokumen itu sendiri. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, menurut ulama silam “dokumen” hanya dikaitkan dengan tulisan zahir yang dapat dibaca dengan penglihatan semata-mata. Namun sarjana syariah yang lebih kontemporari menyatakan bahawa istilah dokumen adalah lebih sesuai atau perlu ditafsirkan dengan lebih meluas. Dokumen itu sebagai menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan, lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik seperti menggunakan kertas, kayu atau seumpamanya; atau secara elektronik seperti penggunaan disket, cakera padat, internet dan seumpamanya bagi memenuhi keperluan semasa.²³ Definisi ini dilihat lebih sesuai, selari dan bertepatan dengan tafsiran yang dinyatakan dalam undang-undang keterangan dan²⁴ diguna pakai sebagai tafsiran undang-undang untuk maksud “dokumen” bagi kebanyakan negeri di

²² *Basa Bin Jaya lwn Maliah Binti Wan dan lain-lain*. Saman No.: 10400-044-0340-2014. Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Shah Alam.

²³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. “Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh Dan Undang-undang Semasa Di Malaysia”. *Jurnal Undang-undang Dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. p. 1.

²⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

Malaysia termasuklah Melaka,²⁵ Selangor,²⁶ Negeri Sembilan,²⁷ Johor,²⁸ Perak,²⁹ Pahang,³⁰ dan Kedah.³¹

Selanjutnya dokumen perisytiharan hibah tersebut hendaklah diiktiraf sebagai dokumen persendirian,³² dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian maka pihak-pihak yang mengemukakan dokumen tersebut hendaklah membuktikan kebolehterimaan dokumen tersebut.³³ Kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian tersebut hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Pertama: dokumen persendirian tersebut hendaklah relevan dengan kes yang dibicarakan;³⁴ kedua: ketulenan dan kesahihan kandungan dokumen tersebut dibuktikan melalui pembuat dokumen atau saksi;³⁵ dan ketiga: mempunyai nilai probatif di sisi hakim syarie.

Namun berdasarkan pemerhatian dan perbincangan,³⁶ pengkaji mendapati bahawa hakim-hakim syarie masih tidak mempunyai rumusan yang kemas berkenaan dengan dokumen dari sudut konseptual. Oleh yang demikian penggunaan atau pemakaian dokumen dengan konsep yang tepat tidak berlaku atau dilaksanakan ketika menyediakan alasan

²⁵ Dewan Undangan Negeri Melaka. 2002. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (Enakmen No. 8 Tahun 2002)*. Seksyen 3.

²⁶ Dewan Undangan Negeri Selangor. 2003. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen No. 5 Tahun 2003)*. Seksyen 3.

²⁷ Dewan Undangan Negeri Sembilan. 2003. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen No. 12 Tahun 2003)*. Seksyen 3.

²⁸ Dewan Undangan Negeri Johor. 2003. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 (Enakmen No. 18 Tahun 2003)*. Seksyen 3.

²⁹ Dewan Undangan Negeri Perak. 2004. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen No. 8 Tahun 2004)*. Seksyen 3.

³⁰ Dewan Undangan Negeri Pahang. 2005. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pahang) 2005 (Enakmen No. 5 Tahun 2005)*. Seksyen 3.

³¹ Dewan Undangan Negeri Kedah. 2014. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 (Enakmen No. 19 Tahun 2014)*. Seksyen 3.

³² Dokumen tersebut tidak boleh diterima sebagai dokumen rasmi kerana dokumen tersebut tidak dikeluarkan oleh pihak kerajaan mahupun untuk maksud awam. Lihat: Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 58.

³³ *ibid.*, Seksyen 75.

³⁴ *ibid.*, Seksyen 5, Seksyen 6 dan Seksyen 90.

³⁵ *ibid.*, Seksyen 56.

³⁶ Mohamad Zakian Dio. 2018. "Bengkel Keterangan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah." Ceramah. 4-6 November. Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai, Pulau Pinang.

penghakiman, iaitu dalam kes hibah. Sekalipun terdapat penjelasan terhadap pemakaian konsep dokumen, asas kepada alasan-alasan penghakiman hakim-hakim syarie adalah tidak seragam dan mereka mempunyai pandangan yang tersendiri serta berbeza antara satu sama lain.

Hasil daripada pemerhatian ini memberikan penjelasan kepada pengkaji tentang wujudnya ruang untuk melaksanakan satu penyelidikan bagi mengkaji prinsip-prinsip kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian. Antara matlamat penyelidikan ini adalah untuk membina garis panduan yang seragam dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah, seperti mana yang turut dicadangkan dalam satu resolusi yang pernah dihasilkan sebelum ini. Resolusi ini dipersetujui oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seluruh Malaysia dan mencadangkan supaya suatu kajian menyeluruh dibuat untuk melihat tahap penguasaan Hakim Syarie dalam memahami konsep dan pemakaian dokumen persendirian berdasarkan undang-undang keterangan syariah di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia.³⁷ Namun sehingga kajian ini dilakukan, belum ada kajian lain dilaksanakan berdasarkan resolusi yang dipersetujui tersebut.

Sebagai contoh, dalam kes *Nazily bin Mohd Nor lwn Salmah binti Ismail*,³⁸ Panel Rayuan menyatakan bahawa YA Hakim Bicara tidak melakukan sebarang khilaf dalam memutuskan kes tersebut sedangkan keputusan yang dibuat hanyalah berdasarkan keterangan dokumen yang ditandai sebagai ID, iaitu dokumen yang belum dibuktikan ketulenannya. Selain itu, kebolehterimaan dokumen itu hanya disandarkan dengan alasan bahawa, walaupun satu-satu dokumen itu mengandungi keraguan atau tohmah, ia tetap

³⁷ Ibid.

³⁸ *Nazily bin Mohd Nor lwn Salmah binti Ismail*. Kes Rayuan No.: 07000-021-0009-0012-2009. (Kes Belum Lapor).

mempunyai nilai (*weight*) kebolehterimaan dari sudut undang-undang keterangan, dan masih boleh dianggap sebagai bayinah sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang keterangan seperti Seksyen 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

Lanjutan daripada permasalahan ini juga, selain wujudnya ruang untuk membina garis panduan yang seragam, garis panduan yang jelas juga amat penting untuk disediakan bagi memastikan sebarang dokumen hibah yang disediakan oleh mana-mana pihak, sama ada oleh individu ataupun agensi, haruslah menepati ciri-ciri yang diperlukan, serta memiliki kemampuan untuk disahkan dan diperakui oleh mahkamah tinggi syariah. Bahkan mempunyai kebarangkalian yang amat rendah untuk dipertikai.

Keperluan seperti ini adalah kerana terdapatnya dokumen-dokumen hibah yang mempunyai kecacatan sehingga mengakibatkan permohonan bagi pengesahan hibah terpaksa ditolak oleh mahkamah tinggi syariah.³⁹ Sebagai contoh, dalam kes *Salmah Osman v CIMB Islamic Trustee*,⁴⁰ Plaintiff menuntut mahkamah untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh Som Abdullah kepada Plaintiff dan anak angkatnya menerusi satu *sīghat* hibah *ruqbā*. Namun, hakim bicara memutuskan bahawa dokumen perisytiharan hibah tersebut disabitkan sebagai wasiat dan bukan hibah. Oleh itu, hakim bicara memutuskan Plaintiff hanya berhak mendapat 1/3 bahagian sebagai jumlah paling maksimum daripada harta tersebut. Manakala dalam kes *Aishah Md Isa & 4 Yang Lain lwn. Hariah Naseh*,⁴¹ Hakim Bicara menolak tuntutan pengesahan hibah yang dibuat oleh Pemohon kerana gagal

³⁹ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan Dalam Penyediaan Borang Hibah Di Mahkamah Tinggi Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 1. p. 2.

⁴⁰ *Salmah Osman v CIMB Islamic Trustee*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saman No.: 14700-044-0150-2013.

⁴¹ *Aishah Md Isa & 4 Yang Lain lwn. Hariah Naseh* [2016] JH 43 2 270.

membuktikan elemen *qabd dan* wujudnya transaksi hibah yang sempurna walaupun Pemohon telah mengemukakan Surat Akuan yang ditanda sebagai P-4.

Manakala dalam kes *Zarina binti Mohd Aris lwn Sabaah binti Mohamad & 8 Yang Lain*,⁴² Plaintif memohon untuk membuat pengesahan hibah yang dibuat oleh arwah suaminya melalui dokumen Perjanjian Hibah (Harta Alih) dan dan Perjanjian Hibah (Harta Tak Alih). Perjanjian hibah ini telah disediakan oleh Tetuan Khairunnas & Associates yang mana Si mati telah menghibahkan harta alih dan harta tidak alih kepada Plaintif dan Defendan 9 iaitu anak angkat mereka. Defendan 3 dan Defendan 6 telah menyaksikan pemberian hibah tersebut. Kesemua Defendan mengakui fakta tentang majlis perisytiharan hibah dan kewujudan dokumen hibah tersebut. Namun Defendan 9 masih lagi berada di bawah umur dan *qabul* bagi pihak Defendan 9 ini dibuat oleh Plaintif berdasarkan dokumen Perjanjian Hibah (Harta Alih) dan dan Perjanjian Hibah (Harta Tak Alih). Mahkamah menolak tuntutan ini kerana Plaintif tidak membuktikan kepada Mahkamah bahawa Plaintif merupakan penjaga yang sah kepada Defendan 9 yang diiktiraf oleh hukum syarak dan Mahkamah.⁴³

Begitu juga dalam kes *Faidzah Binti Arshad lwn Abu Bakar Bin Ahmad & 3 Yang Lain*,⁴⁴ Plaintif memohon untuk membuat pengesahan hibah yang dibuat oleh arwah suaminya kepada dua orang anak angkat kepada si mati. Dokumen Pengisytiharan Pemberian & Penerimaan Hibah pada 07.09.2019 ini telah disediakan oleh Syarikat Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd. Mahkamah dapati di dalam keterangan kedua-dua saksi

⁴² *Zarina binti Mohd Aris lwn Sabaah binti Mohamad & 8 Yang Lain* Saman No.: 2307-H0414-331-0172. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.

⁴³ Malaysia. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Akta 303. Seksyen 88 (1).

⁴⁴ *Faidzah Binti Arshad lwn Abu Bakar Bin Ahmad & 3 Yang Lain*. Saman No.: 14400-044-0014-2022. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur.

Plaintif iaitu SP1 dan SP2 menyatakan bahawa hibah tersebut dibuat pada 07.12.2019 sedangkan di dalam dokumen hibah tersebut dinyatakan bahawa tarikh hibah dibuat adalah pada 07.09.2019. Mahkamah menolak tuntutan ini dengan alasan Plaintiff gagal membuktikan elemen *al-qabd* dan Plaintiff merupakan penjaga yang sah kepada Defendan 9 yang diiktiraf Mahkamah.

Begitu juga dalam kes *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*.⁴⁵ Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan YA Hakim Bicara yang memutuskan bahawa dokumen Surat Dakwaan Hibah yang bertarikh 20 Oktober 1992 merupakan dokumen yang tidak sah dari sudut hukum syarak, dan hendaklah dibatalkan serta tidak boleh dikuatkuasakan. Perayu menghujahkan di Mahkamah Rayuan Syariah Pulau Pinang bahawa beban pembuktian terhadap ketulenan surat cara hibah tersebut dipegang oleh Responden-responden. Selain itu, ketiadaan salinan asal Surat Cara Hibah tersebut tidak menjejaskan kesahihan penghibahan. Namun, Panel Rayuan memutuskan Surat Cara Hibah adalah merupakan satu dokumen persendirian⁴⁶ dan pembuktian dokumen tersebut boleh dibuat dengan cara yang ditentukan oleh Seksyen 54 serta Seksyen 56 enakmen yang sama. Perayu juga merupakan pihak yang memegang beban untuk membuktikan kewujudan Surat Cara Hibah tersebut.

1.3. Persoalan Kajian

Kajian ini ingin menjawab beberapa persoalan kajian iaitu:

⁴⁵ *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn. Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*. Kes Rayuan No. 07200-044-0270-2010 (Kes Belum Laport).

⁴⁶ Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. 2004. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pulau Pinang) 2004*. (Enakmen No. 6). Seksyen 58.

- 1.3.1. Apakah konsep dokumen persendirian dan hibah menurut fiqh dan Undang-undang Islam?
- 1.3.2. Apakah undang-undang yang diguna pakai dalam keterangan dokumen persendirian dan hibah di mahkamah syariah?
- 1.3.3. Sejauh manakah kajian secara analitikal pernah dilaksanakan terhadap dokumen persendirian dalam kes-kes hibah yang pernah direkodkan di mahkamah syariah?
- 1.3.4. Sejauh manakah hakim bicara mengunapakai doktrin kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah berdasarkan peruntukan undang-undang keterangan Syariah?
- 1.3.5. Adakah terdapat panduan kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di mahkamah syariah?

1.4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan beberapa objektif utama seperti berikut:

- 1.4.1. Mengenal pasti konsep dokumen persendirian dan konsep hibah menurut fiqh dan Undang-undang Islam.
- 1.4.2. Mengenal pasti pemakaian dokumen persendirian dan dokumentasi hibah menurut Undang-undang Keterangan Islam.
- 1.4.3. Mengkaji pemakaian doktrin kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah berdasarkan peruntukan Undang-undang Islam di Malaysia.
- 1.4.4. Menganalisis dokumen persendirian dalam kes-kes hibah yang pernah direkodkan dalam perbicaraan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia.

1.4.5. Mengeluarkan garis panduan kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di mahkamah syariah.

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana aktiviti ini dapat memberi sumbangan (*input*) bagi memperbaiki, menambah baik dan menyediakan panduan yang lengkap berkaitan dengan konsep hibah dan dokumen persendirian. Selain itu turut menyediakan panduan bagi pemakaian kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam memutuskan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Kepentingan kajian ini boleh memberi manfaat kepada pihak-pihak atau institusi yang berkepentingan termasuklah:

1.5.1. Undang-undang yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah.

Kajian ini dapat membantu dalam mengenal pasti kekeliruan, ketidakfahaman dan ketidakseragaman yang wujud dalam peruntukan undang-undang sedia ada berkaitan dengan konsep hibah, dokumen persendirian dan prinsip pemakaian kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam memutuskan kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia.

1.5.2. Pengamal Perundangan Syariah di Mahkamah Syariah

Kajian yang dicadangkan ini sangat signifikan kepada semua golongan pengamal perundangan dalam perbicaraan. Pengamal Perundangan Syariah ini semua orang yang terlibat dalam melaksanakan undang-undang syariah termasuklah seorang Hakim Syarie. Kajian ini membantu dengan penyediaan garis-garis panduan yang jelas dengan konsep hibah dan dokumen persendirian secara yang lebih komprehensif dan menyeluruh. Selanjutnya, kajian ini menghasilkan banyak faedah kepada semua pengamal perundangan

syariah untuk memahami proses, prinsip mahupun doktrin yang digunakan sebelum sesuatu dokumen tersebut boleh diterima sebagai keterangan. Perkara ini sudah tentu selaras dengan syariat Islam yang mempunyai prinsip-prinsip yang ketat dalam menilai kesahihan sesuatu keterangan yang diberikan.⁴⁷

1.5.3. Agensi atau Institusi yang Menawarkan Produk Hibah

Agensi atau institusi yang menawarkan produk perkhidmatan berasaskan hibah juga mempunyai kepentingan terhadap kajian selain daripada golongan pengamal perundangan syariah. Hasil dan dapatan daripada kajian ini akan dapat membantu kumpulan ini untuk memahami perkara-perkara yang perlu ada bagi memastikan perkhidmatan hibah yang ditawarkan benar-benar dapat berfungsi menjadi medium perancangan harta keluarga bagi pelanggan mereka. Terutamanya pada ketika membuat permohonan pengesahan hibah yang menggunakan dokumen persendirian. Ringkasnya, kajian ini dapat mengatasi dokumen hibah yang masih bermasalah atau tidak sempurna ketika dikemukakan sehingga pengesahan hibah tidak dapat dilakukan di mana-mana mahkamah tinggi syariah.

1.5.4. Perkembangan khazanah ilmu

Kajian ini mampu memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu yang sentiasa berkembang mengikut peredaran masa dan menjadi khazanah ilmu untuk para pengkaji di masa hadapan sebagai salah satu sumber rujukan dan pengetahuan. Khazanah keilmuan ini perlu disimpan, direkodkan dan dibukukan sebagai bahan rujukan dalam menjalankan

⁴⁷ Mahmud Saedon A. Othman. 1989. "Pembuktian: Kepentingan Beban Dan Hukumnya". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 6. No.. 2. p. 167.

kajian dan penyelidikan yang mampu memberi impak besar terhadap kemajuan negara dan manfaat kepada seluruh masyarakat.

1.6. Skop Kajian

Skop kajian tesis ini boleh dinyatakan seperti berikut:

1.6.1. Pengkaji tidak akan menghadkan penggunaan undang-undang negeri tertentu sebagai rujukan dalam kajian ini. Semua undang-undang Islam yang berkuatkuasa di Malaysia mempunyai persamaan dan perbezaan akan dijadikan sebagai sampel dalam kajian. Hal yang demikian adalah kerana setiap negeri di Malaysia ini mempunyai undang-undang yang tersendiri dan berasingan.

1.6.2. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan pemakaian kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah Malaysia.

1.6.3. Pengkaji juga turut memfokuskan dokumen persendirian dalam kes hibah dari perspektif undang-undang dan hukum syarak. Pengkaji juga meletakkan had tempoh masa bagi sampel kes-kes hibah terpilih yang akan digunakan dalam kajian yang dijalankan di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia, iaitu terhad dari tahun 2015 hingga 2020 sahaja.

1.6.4. Pengkaji turut memberi tumpuan untuk mengeluarkan garis panduan yang perlu dilalui dalam menentukan kebolehterimaan dokumen persendirian tersebut dalam kes hibah berdasarkan undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah.

1.6.5. Pengkaji juga akan menganalisis peruntukan-peruntukan dan undang-undang yang berkaitan bagi menjelaskan konsep dan pemakaian undang-undang keterangan dokumen persendirian dan hibah.

1.7. Sorotan Literatur

Perbincangan berkaitan keterangan dokumen sebagai salah satu kaedah pembuktian berdasarkan hukum syarak telah banyak dibincangkan sama ada oleh para ulama terdahulu dan sarjana terkini sama ada di dalam atau luar negara. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui penulisan-penulisan ulama terdahulu dan kontemporari seperti Ibn Qayyim, Muhammad al-Zuhayli dan Abdul Karim Zaydan. Isu ini juga telah ditulis oleh sarjana tempatan antaranya seperti Mahmud Saedon A. Othman, Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Amin al-Jarumi. Namun pengkaji pula akan memberi fokus kepada kajian yang lebih khusus iaitu kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Kajian ini akan dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu:

a) Tema Pertama bagi kajian ini ialah perbincangan berkaitan dengan konsep dokumen persendirian itu sendiri. Walaupun wujud perbezaan pendapat berkaitan dengan pemakaian keterangan dokumen sebagai satu kaedah pembuktian, namun bagi sarjana semasa keterangan dokumen boleh dijadikan sebagai kaedah pembuktian kes berdasarkan kesesuaian, perubahan keadaan dan zaman seperti dijelaskan dalam kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail dan Hj Zulfakar Ramlee.⁴⁸ Bahkan kajian Mursilalaili Mustapa Sa'di, et al. mendapati undang-undang keterangan Islam mengakui bahawa keterangan bukan setakat dalam bentuk yang biasa difahami dan digunakan, bahkan elektronik juga boleh dikategorikan sebagai bukti dokumen.⁴⁹ Pengiktirafan dokumen elektronik sebagai keterangan dokumen diperakui oleh Wan Abdul Fattah Wan Ismail berdasarkan alasan

⁴⁸ Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee. 2013. "Keterangan Melalui Kitabah: Menurut Fiqh Dan Undang-undang Semasa Di Malaysia". *Jurnal Undang-undang Dan Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 17. p. 1.

⁴⁹ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin & Zulfakar Ramlee Saad. 2015. "Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective". *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. Australia: AENSI Publisher. Vol. 9. No. 26. p. 30.

syarak.⁵⁰ Bukti dokumen elektronik termasuklah bukti komputer, cetakan komputer atau sebarang dokumen yang dihasilkan daripada komputer yang boleh didapati dalam format dokumen boleh diterima dan diiktiraf dalam Islam sebagaimana menurut kajian Duryana Mohamed dan Zulfakar Ramlee.⁵¹

Selain itu, rakaman suara, pita rakaman, kaset, cakera padat, maklumat daripada Internet dan seumpamanya juga termasuk dalam kategori dokumen kerana kandungannya dapat difahami sekalipun perlu menggunakan peralatan tertentu untuk membaca, melihat atau mendengar bagi mengetahui maklumat yang terkandung dalam alatan-alatan tersebut. Bentuk-bentuk yang dinyatakan ini boleh diletakkan di bawah kategori *kitabah*, sebagaimana dalam perbincangan awal tadi.

Selain daripada alatan yang dinyatakan ini, *kitabah* juga turut merangkumi dokumen elektronik yang ditakrifkan sebagai sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan, direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik. Bahan-bahan ini boleh digunakan oleh mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan. Sumber bahan bukti elektronik dan digital adalah seperti cip kepada *very large-scale integration* (VLSI), *software design description* (SDD), cakera keras (*hard disk*), telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad SDD, alat pengimbas, cakera padat (*compact disk* atau CD), *digital versatile disk* (DVD), *video compact disk* (VCD), rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi sebagaimana dapatan kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail.⁵²

⁵⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. "Penerimaan Dan Kekuatan Dokumen Elektronik Dalam Pembuktian Di Mahkamah Syariah". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa & Pustaka. p. 338.

⁵¹ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. "Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective". *ICSSR e-Journal Social Sciences Research*. UIAM: Penerbit My Jurnal. Vol. 1. No. 2. p. 1.

⁵² Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian Melalui Kitabah Elektronik Di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Putrajaya: JKSM. Vol. 33. No.. 2. p. 165.

Televisyen litar tertutup atau *closed-circuit television* (CCTV) juga boleh diklasifikasikan sebagai dokumen elektronik berdasarkan alasan bahawa sebarang rakaman elektronik ialah dokumen, dan ia boleh diguna pakai sebagai antara salah satu kaedah pembuktian menurut kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al.⁵³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al. juga mendapati keterangan transaksi secara dalam talian (*online*) adalah termasuk dalam kategori keterangan elektronik dan boleh diterima Mahkamah Syariah sebagai bukti berdasarkan Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.⁵⁴

Ahmad Azam Mohd Shariff pula menyatakan bahawa keterangan dalam bentuk rakaman foto dan video digital sebenarnya mempunyai hubung kait yang amat rapat serta sinonim dengan keterangan *qarīnat zahīrah/qarīnat*.⁵⁵ Bahkan kajian Muhammad Hazim Ahmad, et al. menunjukkan pembuktian saintifik boleh dilakukan oleh ahli forensik dan hukum syarak menerima pembuktian saintifik sebagai salah satu kaedah pembuktian. Selari dengan perkara itu undang-undang keterangan Mahkamah Syariah juga menerima pakai kaedah tersebut melalui peruntukan berkaitan dengan keterangan dokumen awam dan pendapat pakar.⁵⁶ Namun kajian Mohamad Azhan Yahya, et al. mendapati terdapat *lacuna* dalam prinsip syariah berkaitan dengan definisi serta kebolehterimaan keterangan

⁵³ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. "Pembuktian Melalui Televisyen/Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dalam Kes Jenayah: Tinjauan Umum Berdasarkan Undang-undang Keterangan Islam". *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Nilai: USIM. Vol. 6. No. 1. Jun. p. 87.

⁵⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas'adi. 2018. "Transaksi Kewangan Secara 'Online' Menurut Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia: Isu Dan Cabaran". *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: Penerbit USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Disember. p. 113.

⁵⁵ Ahmad Azam Mohd Shariff. 2014. "Jenayah Moral Dan Kesusilaan Di Bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian Kes Melalui Qarīnah Rakaman Foto Dan Video Digital". <http://lexisnexis.com.my/>. p. xvi. Diakses pada 9 Mei 2021.

⁵⁶ Muhammad Hazim Ahmad, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, Nurkhairina Othaman & Ahmad Syukran Baharuddin. 2019. "Analisis Perundangan Bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Berkaitan Bukti Saintifik Dan Penerimaannya Di Mahkamah Syariah". *E-Prosiding Diskusi Syariah & Undang-undang*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. pp. 40-48.

berbentuk digital. Oleh itu, wujud keperluan untuk menjelaskan tahap pembuktian serta keseragaman penerimaan Mahkamah Syariah negara ini terhadap kebolehterimaan keterangan digital sebagai kaedah pembuktian.⁵⁷

b) Tema kedua yang dipilih adalah berkaitan dengan konsep hibah dan pemakaian undang-undang dalam kes hibah di mahkamah syariah. Noor Lizza et al., mengkategorikan hibah kepada dua iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula terbahagi kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian; hibah bersyarat *'umrā*; dan hibah bersyarat *ruqbā*.⁵⁸ Imam Syafii menerima pakai kedua-dua akad hibah tersebut kerana ia merupakan instrumen penting dalam perancangan harta pusaka umat Islam. Hukum hibah *'umrā* dan hibah *ruqbā* adalah sah namun menerima pakai syarat yang digunakan dalam *'umrā* dan *ruqbā* itu adalah tidak sah menurut Imam Syafii sebagaimana yang dinukilkan oleh Noor Syahida Abdul Rahman, et al.⁵⁹

Menurut Mohd Zamro Muda, hibah merupakan instrumen perancangan harta yang sesuai untuk diaplikasikan pada masa sekarang dengan syarat ia dilaksanakan mengikut ketetapan hukum syarak.⁶⁰ Perkembangan perancangan harta melalui hibah dapat dilihat apabila lahirnya pelbagai institusi yang menjadikan hibah sebagai salah satu kaedah perancangan harta, walaupun instrumen tersebut diubah suai menjadi perkhidmatan dan

⁵⁷ Mohamad Azhan Yahya, Ahmad 'Azam Mohd Shariff & Mohd Abu Hassan Abdullah. 2017. "Keterangan Dokumen Dalam Bentuk Digital Di Mahkamah Syariah: Analisis Berkaitan Definisi Serta Kebolehterimaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia". *Journal Current Legal Issues*. Bangi: Penerbit UKM. September. p. 1.

⁵⁸ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Pelaksanaan Hibah Dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Kajang: Penerbit Akademia Baru. Vol. 15. No. 1. Mei. p. 59.

⁵⁹ Noor Syahida Abdul Rahman, Mohd Musa Sarip & Mohamad Sabri Haron. 2016. "Hibah 'Umra Dan Ruqba Dalam Al-Umm: Satu Analisis". *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 3 No. 2. p. 288.

⁶⁰ Mohd Zamro Muda. 2009. "Instrumen Hibah: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia". *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM. Vol. 2. p. 1.

produk, oleh pelbagai organisasi atau institusi sama ada melibatkan kerajaan atau secara persendirian sepenuhnya.

Institusi yang melibatkan kerajaan adalah seperti Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Amanah Raya Berhad (ARB). Manakala institusi, organisasi atau syarikat secara persendirian adalah seperti As-Salihin Trustee Berhad, Wasiyyah Shoppe Berhad dan Warisan Mukmin termasuk juga mana-mana institusi kewangan atau perbankan, firma guaman dan sebagainya. Kecenderungan ini menyebabkan lahirnya pelbagai bentuk perkhidmatan (produk) hibah yang ditawarkan. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah penyediaan dokumentasi hibah dan juga pengurusan bagi aset yang dihibahkan, yang sudah pasti melibatkan fi yang perlu dibayar untuk perkhidmatan tersebut. Menurut Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda, situasi yang dinyatakan ini akan mengakibatkan kesan-kesan yang berbeza terhadap pelaksanaan hibah yang terlibat dalam perkhidmatan yang ditawarkan itu.⁶¹

Kesan-kesan yang berbeza itu mungkin boleh difahami dengan contoh-contoh yang dikongsi di sini. Antaranya, syarikat-syarikat yang menawarkan produk hibah mempunyai rukun-rukun yang berbeza seperti CIMB Trustee Berhad yang mempunyai enam rukun hibah sementara ARB pula hanya mempunyai empat rukun hibah.⁶² Pengkaji bersetuju bahawa rukun-rukun hibah yang telah dinyatakan secara berbeza ini telah menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat. Walaupun demikian Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda tidak menafikan bahawa dokumen hibah atau surat hibah yang disediakan dalam perkhidmatan tersebut mempunyai peranan yang signifikan bagi menyatakan secara jelas

⁶¹ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanadir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. April. p. 32.

⁶² *ibid.* pp. 32-33.

tentang pelaksanaan hibah oleh pelanggan mereka yang berurusan dengan institusi atau syarikat tersebut. Sehubungan dengan hal ini juga kesemua institusi yang menawarkan produk hibah menjadikan dokumen hibah secara bertulis sebagai alat yang utama dalam proses pelaksanaan hibah.⁶³

Dokumentasi merupakan perkara terpenting dalam menyediakan dokumen hibah bagi mengelakkan pertikaian instrumen selepas kematian penghibah. Mekanisme penyediaan borang sebagai salah satu elemen dokumentasi hibah perlu diperbaiki dan dimantapkan termasuk dari segi format, kandungan dan prosedur pengesahannya.⁶⁴ Fungsi dokumen ini adalah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain.⁶⁵ Ataupun sekurang-kurangnya mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk dicabar oleh mana-mana pihak.

Bahkan penyediaan dokumen hibah juga terbukti lebih memudahkan proses pengesahan di mahkamah tinggi syariah. Satu garis panduan berhubung hibah dapat dihasilkan bagi memudahkan syarikat-syarikat khususnya dan orang awam amnya dalam menggunakan hibah sebagai instrumen perancangan harta berdasarkan kajian Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda. Walaupun kewujudan dokumentasi hibah merupakan suatu inovasi yang perlu diraikan oleh semua pihak termasuk masyarakat awam, namun hal yang lebih penting dalam produk ini ialah, keabsahan sesuatu kes hibah perlu menepati

⁶³ ibid. pp. 32-33.

⁶⁴ Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Kangar: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. No. 1. p. 125.

⁶⁵ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussien, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Nor. 2014. "Hibah Komersil: Satu Tinjauan Terhadap Prosedur Dan Amalan Di Malaysia". *Seminar Waqfi Ilmi 2014*. Nilai: Penerbit USIM. p. 544.

rukun dan syarat hibah yang telah digariskan dalam (syariat) Islam sama ada pelaksanaannya itu melibatkan dokumen ataupun tanpa sebarang dokumen.⁶⁶

Pengkaji juga menemui kajian Ruzman Md. Noor dan Istajib Mokhtar yang mengulas kes hibah dari aspek pembuktian iaitu beban pembuktian hibah dan kewujudan dokumen hibah hendaklah dipegang oleh orang yang mendakwa tentang kewujudannya.⁶⁷ Manakala perbincangan oleh Amir Husin Mohd Nor, et al. pula dari aspek kaedah pembuktian kes hibah yang dilaporkan dalam *Jurnal Hukum* mendapati pengesahan hibah dengan menggunakan dokumen adalah sangat kuat berbanding lisan kerana dokumen bersifat kekal dan mudah dibuktikan.⁶⁸ Dalam hal pembuktian ini, kewujudan saksi dalam pelaksanaan hibah diperlukan untuk langkah berjaga-jaga jika berlakunya sebarang pertikaian. Elemen saksi merupakan elemen yang penting semasa akad hibah berlangsung berdasarkan keputusan hakim syarie yang menolak permohonan pengesahan hibah apabila tidak disokong oleh saksi yang kukuh, sebagaimana hasil perbincangan oleh Amirul Adli dan Noor Lizza Mohamed Said.⁶⁹

Nurul Syahirah Othman, et al. mendapati bahawa hakim-hakim syarie di Malaysia mempunyai pandangan yang pelbagai berdasarkan pendapat pelbagai mazhab dalam hukum syarak. Bahkan perbezaan turut dapat dilihat dari sudut keputusan yang diputuskan dalam kes hibah oleh hakim di mahkamah syariah.⁷⁰ Perkara ini dibuktikan apabila terdapat

⁶⁶ Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan Dalam Penyediaan Borang Hibah Di Mahkamah Tinggi Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 1. p. 1.

⁶⁷ Ruzman Md. Noor & Istajib Mokhtar. 2011. "Ulasan Kes Dari Aspek Pembuktian: Rosmah Suly & Seorang Yang Lain *lwn* Ismail Mohamad & Seorang Yang Lain [2011] 2 JH 32 at 223". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: DBP. Jun. p. 130.

⁶⁸ Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. "Kaedah-kaedah Pembuktian Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Rujukan Kes-kes Dalam Jurnal Hukum". *Malaysian Journal of Syariah and Law*. USIM. Vol. 6. No. 3. Dec. p. 31.

⁶⁹ Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. "Keperluan Saksi Dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah Di Mahkamah Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 2. p. 20.

⁷⁰ Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza M. Said, MZ Muda & Nashrul Hisyam Nur Muhammad. 2017. "Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat Di Malaysia". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 39. No. 2. April. p. 135.

perbezaan pandangan daripada hakim-hakim syarie dalam menentukan keputusan kes pengesahan hibah mengenai isu hibah *ruqba*⁷¹ dan kes pengesahan hibah berkaitan isu ijab dan *qabūl* walaupun dalam isu yang sama⁷² berdasarkan kajian Nurul Syuhadah Azalan dan Noor Lizza Mohamed Said. Nasrul Hisyam Nor Muhamad pula merumuskan bahawa syarat *qabd* yang sangat ditekankan oleh jumhur fuqaha untuk menguatkuasakan hibah itu sebenarnya bersifat fleksibel dalam pelaksanaannya.⁷³

Manakala Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda mendapati tiada lagi undang-undang khusus yang boleh memberi panduan kepada syarikat mahupun institusi untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan mematuhi prinsip yang digariskan oleh syarak.⁷⁴ Manakala Rusnadewi Abdul Rashid, et al. berpandangan penting untuk membuat undang-undang hibah khusus dan menyeluruh bertujuan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan hibah di Malaysia.⁷⁵ Selain itu menurut Rabi'ah Muhammad Serji dan Rohimi Shapiee, walaupun mahkamah sivil telah mengiktiraf penarikan balik hibah, namun tiada peruntukan khusus dalam Kanun Tanah Negara 1965 yang memperuntukkan pengecualian kepada kes-kes berkaitan hibah hartanah.⁷⁶ Alias Bin Azhar, et al. pula mendapati aspek

⁷¹ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. "Keputusan Hakim Syarie Dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Ruqba". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 1. No. 2. p. 91.

⁷² *ibid.* p. 55.

⁷³ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2009. "Elemen Qabd Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan & Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-undang Islam". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: UM. Vol. 17. No. 2. p. 243.

⁷⁴ Adilah Mohd Sa'afie, Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan Dalam Penyediaan Borang Hibah Di Mahkamah Tinggi Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 1. p. 2.

⁷⁵ Rusnadewi Abdul Rashid, Siti Asishah Hassan & Noor Inayah Yaakub. 2013. "A Need for Legal Framework of Gift Inter Vivos (Hibah) in Malaysian Estate Planning". *International Journal of Business, Economics and Law*. Bangi: Penerbit Zes Rokman Resources. Vol. 2. No. 3. Jun. p. 28.

⁷⁶ Rabi'ah Muhammad Serji & Rohimi Shapiee. 2018. "Hibah Hartanah: Isu Dan Konflik Dalam Perundangan Di Malaysia". *Journal of Muwafaqat*. Bangi: Penerbit KUIS. Vol. 1. No. 1. April. p. 84.

teknikal dan perundangan harus diperkemas dan diseragamkan agar kekeliruan dapat dielakkan.⁷⁷

Prinsip hibah juga diaplikasikan sebagai prinsip sokongan dalam aktiviti-aktiviti muamalah Islam di institusi kewangan Islam di Malaysia menurut Nasrul Hisyam Nor Muhamad.⁷⁸ Sebagai contoh, hibah takaful dapat membantu masyarakat khususnya yang beragama Islam kerana ia bertujuan untuk membantu seseorang menyediakan dana secara kolektif dan melindungi kewangan setelah ditimpa musibah serta sebagai langkah perancangan pengurusan harta seperti pandangan Nurul Natasha Daud, et al.⁷⁹

Hibah yang ditawarkan oleh industri takaful adalah hibah bersyarat yang cenderung kepada syarat *ruqbā* yang dikaitkan dengan kematian peserta (pemberi hibah) dan tempoh matang sijil. Penarikan hibah berlaku sekiranya peserta masih hidup semasa sijil takaful matang berdasarkan dapatan Siti Rashidah Ismail dan Noor Lizza Mohamed Said.⁸⁰ Kajian Wan Suraya Wan Hassin, et al. pula menunjukkan terdapat peningkatan dalam *Islamic Financial Services Act 2013* (IFSA 2013) terutamanya mengenai kontrak penamaan hibah dan hal-hal berkaitan termasuklah manfaat takaful.⁸¹

Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro Muda mendapati muncul produk perancangan hibah yang digabungkan dengan produk lain seperti hibah amanah, hibah bersyarat, hibah

⁷⁷ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 125.

⁷⁸ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah Dalam Sistem Kewangan Islam Di Malaysia: Tumpuan Kepada Industri Perbankan Islam Dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor Bharu: UTM Press. Vol. 52. Mei. p. 71.

⁷⁹ Nurul Natasha Daud, Hendon Redzuan & Rubayah Yakob. 2017. "Hibah Dalam Perancangan Harta Dan Takaful". *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 2. No. 5. September. p. 30.

⁸⁰ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Pelaksanaan Hibah Dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Kajang: Penerbit Akademia Baru. Vol. 15. No.1. Mei. p. 59.

⁸¹ Wan Suraya Wan Hassin, Mohamed Rizki Moi, Wan Sahzlinda Shahar & Wan Sahar. 2017. "Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2017: Tinjauan Pelaksanaan Penamaan Dan Hibah Ke Atas Syarikat MAA Takaful Sdn Bhd". *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*. Palm Garden Hotel. Putrajaya. Malaysia. 7 & 8 Nov. p. 510.

harta bercagar dan hibah dengan syarat balasan namun ini perlu diperhalusi agar selaras dengan hukum syarak dan undang-undang Malaysia.⁸² Sebagai contoh, hibah amanah merupakan gabungan antara instrumen hibah dengan amanah, iaitu pemberi hibah membuat perakuan untuk menghibahkan sesuatu kepada seseorang yang berkuat kuasa selepas kematiannya. Sehingga berlaku kematian pemberi hibah, harta tersebut dipegang oleh pemberi hibah atas dasar amanah berdasarkan pandangan Akmal Hidayah Halim dan Tajul Aris Ahmad Bustami. Namun ia tidak konsisten dengan prinsip hibah, wasiat, amanah dan pusaka Islam kerana pemberi hibah tidak melepaskan hak dan faedah terhadap harta yang dihibahkan semasa hidupnya, walaupun penerima hibah merupakan seseorang yang mempunyai kelayakan untuk memiliki dan menguruskan harta.⁸³

c) **Tema ketiga** yang dipilih adalah berkaitan dengan konsep dan prinsip pemakaian kebolehterimaan dokumen persendirian sebelum diterima masuk oleh Mahkamah Syariah sebagai keterangan. Tema ini merupakan aspek paling penting dalam kajian ini. Kebolehterimaan suatu keterangan dokumen persendirian tersebut hendaklah dibuktikan ketika perbicaraan di mahkamah. Menurut Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al., perundangan Islam telah menggariskan panduan untuk membuktikan kesahihan sesuatu dokumen sebelum diterima, antaranya adalah dengan menggunakan khidmat pakar khususnya dalam bidang elektronik forensik⁸⁴ bagi kes-kes yang melibatkan pengesahan

⁸² Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 39.

⁸³ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. "Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. Jun. p. 104.

⁸⁴ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas'adi. 2018. "Transaksi Kewangan Secara 'Online' Menurut Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia: Isu dan Cabaran". *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Dis. p. 98.

dokumen.⁸⁵ Mursilalaili Mustapa Sa'di, et al. pula berpandangan dokumen boleh disahkan melalui kesaksian dan pakar untuk memastikan keaslian dan kandungannya.⁸⁶

Amir Husin Mohd Nor, et al. pula menyatakan pembuktian melalui kesaksian dan *qarīnat* selalu digunakan dalam membuktikan hibah dan *qabd* (penerimaan) selain melalui keterangan dokumen, ikrar dan sumpah.⁸⁷ Namun bagi tulisan tangan, kesaksian berhubung dengan tulisan tangan mesti diterima dengan berhati-hati dan mesti disokong oleh bukti lain juga berdasarkan hasil kajian Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al.⁸⁸ dan Jal Zabdi.⁸⁹ Dokumen dalam bentuk elektronik hanya boleh diterima setelah disahkan melalui proses pengesahan dan melalui keterangan pakar menurut Wan Abdul Fattah Wan Ismail.⁹⁰

Menurut Wan Abdul Fattah, Raja Raziff dan Norma pula, kaedah pengesahan yang biasa digunakan bagi mengesahkan kesahihan dokumen elektronik semasa urus niaga ialah sumpah, saksi, saksi pakar atau keterangan forensik.⁹¹ Ini diperkukuhkan dengan Muhammad Ismail yang mendapati dokumen elektronik perlu dibuktikan sebelum boleh diterima mahkamah memandangkan wujud amalan dokumen yang dipalsukan.⁹² Keterangan dokumen elektronik adalah tidak selamat dan mudah diubah maka isu-isu

⁸⁵ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 120.

⁸⁶ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin & Zulfakar Ramlee Saad. 2015. "Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective". *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: n.pb. Vol. 9. No. 26. p. 30.

⁸⁷ Amir Husin Mohd Nor, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. 2018. "Kaedah-kaedah Pembuktian Kes Hibah Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Rujukan Kes-kes Dalam Jurnal Hukum". *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Nilai: USIM. Vol. 6. No. 3. Dis. p. 31.

⁸⁸ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani & Madiah Mohammad Khir. 2015. "Document Forensic, The Fiqh and The Syariah Court." *Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 11. No. 4. p. 1.

⁸⁹ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2003. *Pengenalan kepada Undang-Undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 122-123.

⁹⁰ Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. "Kaedah Pembuktian Melalui Kitabah Elektronik Di Mahkamah Syariah". *Jurnal Hukum*. Kuala Lumpur: JKSM. Vol. 33. No. 2. p. 168.

⁹¹ Wan Abdul Fatah Wan Ismail & Mehmet Asutay. 2017. "The Legal Forensic Model in Determining the Genuineness of Islamic Banking Documents and Their Application in Syariah Courts". *Global Journal Al-Thaqafah*. Kuala Kangsar: Penerbit UNISAS. Vol. 7. No. 2. p. 117.

⁹² Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2006. *Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik Dan Digital Dalam Keterangan: Masalah Dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: The INSAF Publication. pp. 12-13.

kesahihan adalah penting bagi membuktikan dokumen elektronik boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah menurut Duryana Mohamed dan Zulfakar Ramlee.⁹³ Menurut Mursilalaili Mustapa Sa'di, et al. pula, sifat dokumen elektronik ini sangat rapuh dan menjadikannya terdedah kepada kerosakan dan perubahan. Oleh itu, pihak-pihak perlu membuktikan kesahihan dokumen, dan seterusnya melakukan sesuatu yang boleh mengekalkan dan melindungi kebolehpercayaan serta ketepatan kandungan supaya dokumen itu boleh diterima.⁹⁴

Perundangan Islam sendiri telah menggariskan beberapa panduan dalam pembuktian kesahihan sesuatu dokumen sebelum ia boleh diterima. Antaranya adalah dengan menggunakan khidmat pakar, khususnya dalam bidang elektronik forensik, menurut dapatan Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al.⁹⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, et al. Juga turut berpandangan bahawa sesuatu model forensik yang komprehensif perlu diwujudkan sebagai garis panduan bagi hakim dan pengamal di Mahkamah Syariah bagi mengatasi peningkatan yang pesat dalam pemalsuan dokumen seperti sijil perkahwinan, surat kelulusan untuk perkahwinan poligami dan lain-lain.⁹⁶ Hasil kajian ini diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian Wan Abdul Fatah Wan Ismail dan Mehmet Asutay yang menunjukkan bahawa wujud keperluan untuk membentuk undang-undang model forensik yang menjadikan pengesahan dokumen lebih berstruktur, jelas dan praktikal. Bahkan ketulenan

⁹³ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. "Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective". *ICSSR e-journal Social Sciences Research*. Johor: Penerbit My Jurnal. Vol. 1. No. 2. p. 3.

⁹⁴ Mursilalaili Mustapa Sa'di, Abdul Rani Kamarudin & Zulfakar Ramlee Saad. 2015. "Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective". *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: n.pb. Vol. 9. No. 26. p. 32.

⁹⁵ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Fuadah Johari & Muhammad Aunurrochim Mas'adi. 2018. "Transaksi Kewangan Secara 'Online' Menurut Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia: Isu Dan Cabaran". *Journal of Fatwa Management and Research*. Nilai: Penerbit USIM. SeFPia 2018 (Special Issue). Dec. p. 87.

⁹⁶ Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Zul Hilmi Abdullah, Abd Hamid Abd Murad, Nurfadhilah Che Amani & Madihah Mohammad Khir. 2015. "Document Forensic, The Fiqh and The Syariah Court". *Malaysian Journal of Society and Space*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 11. No. 4. p. 1.

dan kesahihan sesuatu dokumen boleh disahkan oleh Jabatan Kimia Malaysia setelah melalui proses dan syarat tertentu.⁹⁷ Sebelum cadangan berkaitan dengan model forensik, Wan Abdul Fattah Wan Ismail sudah pernah mencadangkan agar *standard operating procedure* (SOP) diwujudkan bagi tujuan pengesahan sesuatu dokumen.⁹⁸

Duryana Mohamed dan Zulfakar Ramlee berpandangan bahawa kebolehterimaan sesuatu bukti termasuk dokumen adalah persoalan undang-undang dan hendaklah ditentukan oleh mahkamah. Keterangan dokumen yang dikemukakan mestilah relevan dengan kes yang dipersoalkan walaupun didapati secara haram. Pemerolehan dokumen secara haram di sini bermaksud pemerolehan sesuatu dokumen yang dikemukakan di mahkamah didapati dengan cara tidak sah, atau mengikut prosedur yang telah ditetapkan undang-undang. Malahan mahkamah mempunyai kuasa budi bicara dalam menentukan kebolehterimaan dan kerelevanan apa-apa keterangan.⁹⁹

Pengkaji merumuskan bahawa terdapat banyak kelebihan yang telah diperoleh daripada kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini.

a) Pertama: kajian tersebut telah berjaya menyelesaikan isu perbezaan pendapat berkaitan dengan pemakaian dokumen sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah. Bahkan kajian-kajian sebelum ini telah menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan pemakaian dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah. Kajian-kajian tersebut juga berjaya membuktikan bahawa keterangan dokumen elektronik itu sendiri

⁹⁷ Wan Abdul Fatah Wan Ismail & Mehmet Asutay. 2017. "The Legal Forensic Model in Determining the Genuineness of Islamic Banking Documents and Their Application in Shariah Courts". *Global Journal Al-Thaqafah*. Perak: Penerbit UNISAS. Vol. 7. No. 2. p. 1.

⁹⁸ Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Sharif, Azizah Mat Rashid & Fatimah Yusro Hashim. 2020. "Pengemukakan Dokumen Elektronik Sebagai Keterangan Dalam Perbicaraan Mahkamah Syariah". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol. 27. Jun. p. 262.

⁹⁹ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. "Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective". *ICSSR e-journal Social Sciences Research*. Johor: Penerbit My Jurnal. Vol. 1. No. 2. p. 3.

amatlah luas merangkumi cetakan komputer atau dokumen yang dihasilkan komputer, yang boleh didapati dalam format dokumen, dokumen dalam talian (*online*), digital mahupun saintifik dan forensik. Dalam konteks pembuktian pula, kajian sebelum ini berhasil dengan cadangan beberapa kaedah pembuktian yang boleh diguna pakai bagi membuktikan dokumen tersebut seperti keterangan saksi, keterangan pakar, sumpah dan juga keterangan secara forensik.

b) Kedua: kajian-kajian sebelum ini telah membuktikan bahawa perancangan harta melalui instrumen hibah telah berkembang pesat sehingga membawa masuk penglibatan pelbagai institusi termasuklah syarikat amanah dan badan kerajaan. Perkembangan ini dibantu dengan kewujudan dokumen hibah yang berfungsi sebagai bukti kewujudan hibah yang dilaksanakan. Kepentingan dokumentasi hibah adalah untuk mengelakkan pertikaian harta selepas kematian penghibah. Ini dibuktikan dengan kajian yang menunjukkan kewujudan dokumen hibah lebih memudahkan proses pengesahan di mahkamah tinggi syariah. Namun keabsahan sesuatu kes hibah perlu menepati rukun dan syarat hibah yang telah digariskan menurut agama Islam sama ada dengan adanya dokumen ataupun sebaliknya.

c) Ketiga: kajian-kajian sebelum ini telah pun menggariskan panduan umum kebolehterimaan suatu keterangan dokumen persendirian. Perundangan Islam telah menggariskan panduan iaitu perlu untuk membuktikan kesahihan dokumen sebelum diterima. Pihak-pihak harus membuktikan kesahihan bukti sedemikian, dan seterusnya terhadap kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan untuk memastikan bukti sedemikian boleh diterima. Keterangan dokumen elektronik hanya boleh diterima sekiranya kesahihan dokumen telah dibuktikan. Kajian-kajian yang telah dinyatakan sebelum ini juga turut

memberi beberapa cadangan penyelesaian kepada kaedah penerimaan keterangan dokumen di Mahkamah Syariah seperti membentuk undang-undang model forensik; dokumen boleh disahkan oleh Jabatan Kimia Malaysia; dan mewujudkan SOP.

Walau bagaimanapun, pengkaji turut mendapati bahawa kajian tersebut masih ada kelemahan, kekurangan dan kelompongan yang membolehkan suatu kajian dibuat. Pertama, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian sebelum ini hanya membincangkan isu dokumen secara umum sahaja tanpa membezakan antara dokumen awam mahupun persendirian seperti kajian ini. Pengkaji mendapati tiada kajian berkaitan kaedah pembuktian konsep dan pemakaian dokumen persendirian secara khusus berdasarkan undang-undang syariah di Malaysia telah dilaksanakan. Seterusnya, tiada juga kajian lagi telah dibuat berhubung prinsip kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia berdasarkan undang-undang keterangan syariah.

Bahkan, tiada lagi kajian dibuat berkaitan konsep dan pemakaian dokumen persendirian kaedah pembuktian keterangan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Pengkaji merumuskan bahawa konsep dan pemakaian dokumen persendirian kaedah pembuktian keterangan dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia adalah kelompongan utama (*gap*) yang pengkaji perolehi berdasarkan sorotan literatur di atas. Pengkaji mendapati bahawa kebolehterimaan sesuatu bukti dokumen persendirian dalam kes-kes hibah merupakan persoalan undang-undang dan hendaklah ditentukan oleh mahkamah syariah. Hal ini menjadikan kajian ini penting kerana penggunaan kaedah dan proses yang betul adalah perlu demi keadilan semua pihak dan mengelakkan risiko berlakunya pemalsuan dan

penyalahgunaan dokumen dalam proses untuk mendapatkan hak dan keadilan di mahkamah syariah.

1.8. Susunan Bab

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama sebagaimana penjelasan di bawah:

Bab Pertama merupakan bab pendahuluan yang mengandungi penjelasan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, kepentingan dan persoalan kajian yang akan dirungkaikan satu persatu. Bab ini juga menjelaskan berkaitan objektif kajian ini. Seterusnya, bab ini turut menerangkan batasan kajian; metode yang diguna pakai dalam melaksanakan kajian; sorotan kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan langsung dengan kajian ini; dan kemudiannya diikuti dengan penerangan mengenai susunan bab-bab kajian.

Bab Dua pula membincangkan dokumen persendirian dalam konteks pandangan syarak yang merangkumi definisi dokumen, dalil-dalil pensyarian dan konseptual dokumen elektronik. Bab ini juga akan membincangkan mengenai pengelasan dokumen menurut panduan yang telah digariskan oleh fuqaha, juga menurut perspektif undang-undang. Penerimaan keterangan dokumen persendirian sebagai kaedah pembuktian dari sudut hukum syarak dan juga undang-undang turut dibahaskan dalam bab ini.

Pada masa ini peranan dokumen amat penting dalam sebarang urusan kehidupan walau di mana manusia itu berada. Urusan kehidupan manusia melibatkan dokumen pula menghadapi cabaran tertentu termasuklah penggunaan dokumen palsu. Oleh yang demikian, bab ini turut membahaskan hukum pemalsuan dokumen persendirian selain bentuk-bentuk dokumen persendirian yang palsu. Isu terakhir yang dibahaskan dalam bab ini adalah berkaitan dengan penerimaan salinan dokumen persendirian oleh mahkamah

tanpa dikemukakan dokumen yang asal; dan juga perbincangan melibatkan keterangan dengan cakap bagi dokumen persendirian dari sudut Undang-undang Islam dan sivil.

Sementara Bab Tiga dikhususkan pula untuk perbincangan mengenai hibah yang merangkumi definisi, rukun serta syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi akad hibah yang sah menurut perbincangan fuqaha dari pelbagai mazhab. Perkara ini kemudiannya diikuti dengan perbincangan mengenai hukum-hakam hibah, iaitu termasuklah tentang kesan bagi satu-satu akad hibah; keharusan menarik balik hibah; permasalahan *'umrā* dan *ruqbā*; isu syarat balasan yang terdapat dalam hibah; hibah hutang; dan hibah *al-fuduli*. Dalam bab ini juga pengkaji turut melihat penggunaan hibah oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam konteks perancangan harta orang Islam, dan juga dalam konteks muamalat Islam yang dilaksanakan di Malaysia.

Seterusnya, Bab Empat ini mengkhususkan perbincangan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah dan juga peranannya dalam menguruskan kes-kes hibah. Bab Empat ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan batasan atau had bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terdapat dalam undang-undang, termasuklah isu-isu yang timbul daripada had bidang kuasa tersebut. Bab ini juga menyentuh dan membincangkan permasalahan tentang pembuktian; beban pembuktian dokumen persendirian; dan juga beban membuktikan kewujudan hibah itu sendiri. Perbincangan tentang isu-isu ini dibincangkan berdasarkan hukum syarak dan undang-undang. Perbincangan ini merantai perbincangan berkaitan dengan penerimaan dokumen persendirian dari sudut undang-undang keterangan dan isu-isu lain yang berkaitan.

Bab Lima pula memberi fokus kepada dua isu utama iaitu yang pertama ialah cadangan mewujudkan akta/enakmen bagi menyelesaikan permasalahan yang berkaitan

dengan bidang kuasa mahkamah syariah. Fokus yang kedua ialah penelitian terhadap pemakaian dokumen persendirian dalam pembuktian kes-kes hibah di mahkamah syariah. Dalam bab ini juga pengkaji turut mengambil perhatian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pendekatan atau metodologi yang digunakan oleh hakim-hakim syarie dalam hal penerimaan dokumen persendirian yang bincangkan menurut perspektif undang-undang keterangan Islam dan sivil.

Manakala Bab Enam pula merupakan bab yang menganalisis, menyediakan kesimpulan dan rumusan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan penggunaan konsep dokumen persendirian serta pemakaiannya bagi kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Walaupun dalam Bab Lima sebelum ini telah pun membincangkan soal cadangan bagi mewujudkan undang-undang hibah seperti akta atau enakmen negeri, tetapi bab ini menganalisis secara lebih dalam supaya isu bidang kuasa Mahkamah Syariah dapat diselesaikan. Lanjutan daripada itu, bab ini juga meneliti kaedah terbaik bagi mengharmonikan pandangan fuqaha yang pelbagai supaya satu rumusan terbaik dapat diwujudkan, dan rumusan tersebut akan dijadikan sebagai garis panduan yang menepati undang-undang.

1.9. Metodologi Kajian

Metodologi dari sudut bahasa ialah satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam satu kegiatan contohnya dalam bidang penyelidikan.¹⁰⁰ Kajian pula ialah satu kaedah mendapatkan data secara tersusun, sistematik, berkod, kritikal, persoalan saintifik atau siasatan kepada masalah yang tertentu, dan ia selaras dengan objektif kepada

¹⁰⁰ n.a. 2005. *Kamus Dewan. Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: DBP. p. 1030.

penemuan jawapan atau penemuan penyelesaian.¹⁰¹ Gabungan kedua-duanya iaitu metodologi kajian, boleh difahami sebagai cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui tatacara yang saintifik iaitu suatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik.¹⁰² Metodologi memainkan peranan penting dalam sesebuah perancangan dan perjalanan kajian kerana ia dapat menentukan kajian tetap berada pada landasannya untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini akan dibahagikan kepada dua fasa utama iaitu pengumpulan data dan analisis data.

Fasa 1

Kajian dalam fasa ini adalah berkaitan dengan konsep dokumen persendirian menurut hukum syarak dan undang-undang. Reka bentuk kajian dalam fasa ini adalah menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu kajian mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kajian ini bersifat empirikal yang berasaskan fakta dan bukti objektif.¹⁰³ Kaedah ini juga bukan bertujuan untuk mengutip maklumat yang banyak tetapi berusaha memperoleh maklumat berkualiti.¹⁰⁴ Sumber data yang digunakan dalam fasa ini adalah berdasarkan data keperustakaan daripada kitab-kitab ulama terdahulu, penulisan sarjana-sarjana pada masa kini, penulisan artikel dan makalah. Pengkaji turut merujuk kepada kamus, sumber rujukan undang-undang dan kes-kes yang relevan bagi melengkapkan sumber data bagi kajian fasa ini. Selain itu, pengkaji turut menggunakan metode pemerhatian dan sedikit temubual bagi

¹⁰¹ Ho Chooi Peng. 2013. *Research Methodology Manual*. INTAN: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. p.1.

¹⁰² Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM. p. 4.

¹⁰³ Rozmi Ismail. 2013. *Metodologi Penyelidikan Teori Dan Praktis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. p. 17.

¹⁰⁴ Jasmi, K. A. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1. Puteri Resort Melaka. 28-29 Mac. p. 2

menyempurnakan fasa ini bagi menyokong data yang diperolehi daripada data primer atau sekunder.

Selanjutnya, pengkaji menggunakan metode deskriptif dalam menganalisis keseluruhan data mentah yang diperoleh dalam fasa ini. Metod deskriptif ialah salah satu metode kajian kualitatif. Tujuan metode deskriptif adalah untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku dalam satu-satu bidang yang kurang dikaji. Metode ini digunakan dengan berasaskan pemahaman terdahulu ke atas sesuatu masalah yang sedang berlaku.¹⁰⁵ Kaedah yang digunakan adalah dengan membuat analisis teks dan hasil daripada analisis keseluruhan data mentah tersebut ia boleh membawa kepada rumusan mengenai konsep dokumen persendirian dan penerimaannya sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah syariah.

Setelah hasil tersebut diperoleh pengkaji seterusnya akan menggunakan kaedah triangulasi bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil tersebut. Triangulasi bermaksud integrasi metode yang berbeza bagi mendapatkan lebih daripada satu bentuk data supaya dapatan kajian kualitatif yang bersifat subjektif akan bersifat lebih meyakinkan, dan dapat meningkatkan kesahan data yang dikumpul. Kaedah triangulasi boleh dilihat sebagai melihat sebuah arca dari pelbagai sudut yang berbeza untuk mendapat gambaran keseluruhan secara jelas mengenai bentuk arca tersebut. Pengkaji berasa lebih yakin jika mendapat jawapan dari lebih satu cara yang berbeza.

Kaedah triangulasi dalam fasa ini adalah dengan cara membanding-bezakan sumber data yang diperolehi melalui kitab, makalah mahupun pemakaian undang-undang syariah dan sivil bagi mendapatkan gambaran keseluruhan dan rumusan yang lebih meyakinkan.

¹⁰⁵ Zainudin Awang. 2014. *Research Methodology and Data Analysis*. Edisi 2. UiTM: Penerbit Press. p. 32-33.

Rumusan ini diperkukuhkan melalui perbandingan data yang diperolehi melalui kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil yang muktamad atau tidak dirayu.

Fasa 2

Kajian dalam fasa ini adalah berkaitan dengan konsep hibah dan pemakaiannya di Malaysia. Reka bentuk kajian dalam fasa ini masih lagi menggunakan kaedah kajian kualitatif dan menggunakan data keperpustakaan sebagaimana fasa satu di atas. Namun Pengkaji turut menggunakan metode temubual sebagai sumber data bagi melengkapkan data bagi fasa ini. Pengkaji masih menggunakan metode deskriptif dalam menganalisis keseluruhan data mentah yang diperolehi dalam fasa ini. Hasil daripada analisis keseluruhan data mentah tersebut boleh merumuskan konsep hibah itu sendiri dan pemakaiannya di Malaysia. Setelah mendapat hasil tersebut, pengkaji menggunakan kaedah triangulasi bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil yang diperolehi tersebut. Sama seperti dalam fasa 1, pengkaji membanding-bezakan sumber data yang diperolehi melalui kitab, makalah mahupun pemakaian undang-undang syariah dan sivil bagi mendapatkan gambaran keseluruhan dan rumusan yang lebih meyakinkan bagi topik ini. Rumusan ini diperkukuhkan melalui perbandingan data yang diperolehi melalui kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil yang muktamad atau tidak dirayu.

Fasa 3

Kajian dalam fasa ini adalah berkaitan dengan bidang kuasa dan pembuktian konsep di mahkamah syariah. Pengkaji mengimplikasi metode kajian kualitatif dan metode kajian

doktrin dalam reka bentuk kajian dalam fasa ini. Metode kajian kualitatif boleh merujuk kepada satu kaedah pengertian yang luas untuk kajian yang menghasilkan data deskriptif yang terhasil daripada kenyataan sesuatu individu sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan; pemerhatian kepada sifat; serta tingkah laku.¹⁰⁶ Kajian penyelidikan doktrin pula didefinisikan sebagai satu sintesis berdasarkan undang-undang yang berbagai-bagai, prinsip, budaya dan garis panduan.¹⁰⁷ Definisi ini menunjukkan bahawa kaedah penyelidikan doktrin digunakan untuk menyelidik kerangka undang-undang terhadap sesuatu perkara dengan tujuan untuk menghasilkan kefahaman yang jitu yang kemudiannya akan diguna pakai terhadap satu-satu kelompok masyarakat.

Pengkaji pada fasa ini melakukan kajian secara doktrinal; menganalisis dokumen-dokumen perundangan daripada sumber perundangan; dan melakukan kajian kepustakaan dengan meneliti buku-buku, jurnal serta kajian-kajian ilmiah yang berkaitan. Pengkaji merujuk juga kepada kes-kes yang relevan dan bersesuaian bagi melengkapkan sumber data bagi kajian fasa ini. Pengkaji masih menggunakan metode deskriptif dalam menganalisis keseluruhan data mentah yang diperoleh dalam fasa ini. Selain itu, Pengkaji turut menggunakan metode pemerhatian dan temubual bagi menyempurnakan fasa ini.

Dalam satu-satu pengkajian, analisis kandungan merupakan antara perkara wajib yang perlu dilakukan. Analisis kandungan ialah suatu kaedah atau metodologi bagi menganalisis mesej komunikasi bertulis, lisan atau visual.¹⁰⁸ Objektif analisis kandungan

¹⁰⁶ Muhammad Ainul Hakim Muhammad Khalil, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Azman Ab Rahman. 2021. "Pengaplikasian Wakaf Ahli Bertempoh (*Mu'qqat*) Sebagai Mekanisme Memakmurkan Amalan Wakaf Di Malaysia". *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021*. Bangi: USIM. p. 54.

¹⁰⁷ Hutchinson, T. & Duncan, N. 2012. "Defining and Describing What do We do: Doctrinal Legal Research". *Deakin Law Review*. n.pl: n.pb. Vol. 17. No. 1. pp. 83–120.

¹⁰⁸ Mohajan H.K. 2018. "Qualitative Research Methodology in Social Sciences and Related Subjects". <https://www.researchgate.net/publication/324151529>. p. 36. Diakses pada 24 Dis. 2019.

secara kualitatif adalah untuk mengubah secara sistematik sejumlah besar teks ke dalam ringkasan keputusan utama yang sangat teratur dan ringkas.¹⁰⁹ Hasil daripada analisis keseluruhan data mentah tersebut boleh menyediakan rumusan terhadap pemakaian kebolehterimaan dokumen persendirian dalam kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Setelah mendapat hasil tersebut, pengkaji akan menggunakan kaedah triangulasi bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil yang diperoleh tersebut berdasarkan undang-undang. Kaedah triangulasi dalam fasa ini adalah dengan cara membanding-bezakan sumber data yang diperolehi melalui makalah, pemakaian undang-undang syariah dan sivil bagi mendapatkan gambaran keseluruhan sebagai rumusan. Rumusan ini diperkukuhkan melalui perbandingan data yang diperolehi melalui kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil yang muktamad atau tidak dirayu.

Fasa 4

Pengkaji menggunakan kajian kualitatif bagi menyempurnakan objektif terakhir kajian. Semua hasil analisis data yang diperolehi dalam Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 digunakan sebagai sumber data bagi fasa ini. Pengkaji mengaplikasi metode kajian secara deduktif sebagai metode analisis keseluruhan data yang diperolehi. Dalam hal ini penalaran deduktif merupakan teori dalam proses pengujian yang bermula dengan penetapan teori atau generalisasi, dan bertujuan untuk melihat sama ada teori itu terpakai untuk satu-satu contoh tertentu. Sementara itu metode deduktif pula ialah satu kaedah analisis data melalui pola

¹⁰⁹ Erlingsson & Brysiewicz. 2017. "A Hands-On Guide to Doing Content Analysis". <https://www.researchgate.net/publication/319231791>. p. 2. Diakses pada 24 Dis. 2019.

berfikir dari maklumat umum kepada khusus¹¹⁰ atau penaakulan daripada rumusan umum kepada kes-kes khusus.¹¹¹

Kesimpulan yang terhasil daripada kaedah deduktif lebih mudah untuk dinilai sama ada benar ataupun tidak benar. Kaedah ini mempunyai tiga ciri iaitu pertama: skop kesimpulan mestilah tidak melebihi skop pembuktian; kedua: pembuktian yang disediakan mestilah (merupakan) asas kepada kesimpulan; dan ketiga: kesimpulan mestilah benar sekiranya bukti-bukti yang didatangkan adalah benar. Berdasarkan ciri-ciri ini, kaedah deduktif akan menghasilkan kesimpulan yang benar kerana deduktif tidak menghasilkan maklumat yang baharu atau perkembangan dalam ilmu pengetahuan.¹¹² Semua data yang telah dianalisis akan dihipunkan sebagai sebuah kerangka bagi garis panduan yang dicadangkan sebagai hasil analisis data tersebut dan hasil akhir.

Pengkaji memilih metodologi kajian secara kualitatif dengan mengutamakan sumber data primer dan sekunder melalui keperpustakaan pada setiap fasa kerana kekuatan dan keluasan yang ada di dalam data-data tersebut yang merangkumi kitab-kitab fiqh, undang-undang syariah dan undang-undang sivil itu sendiri selain ditambahbaik dengan metode pemerhatian dan temubual pada fasa yang perlu dan sesuai. Pengkaji membahagikan setiap peringkat kajian kepada empat fasa bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjawab keseluruhan persoalan kajian yang ditetapkan dengan mudah, tersusun dan kemas.

Konsep metodologi kajian ini boleh diringkaskan seperti dalam gambar rajah di bawah:

¹¹⁰ Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM. p. 155.

¹¹¹ Shahir Akram Hassan & Mohd Syahmir Alias. 2017. "Strategi Penyelidikan Islam Berdasarkan Kaedah Penaakulan Dalam Ilmu Mantik". *Malaysian Journal For Islamic Studies*. n.pl: UNISZA. Vol. 2. p. 20.

¹¹² *ibid.* p. 20.

Objektif	01 FASA 1	02 FASA 2	03 dan 04 FASA 3	05 FASA 4
Reka Bentuk Kajian	Kualitatif	Kualitatif	Kualitatif Doktrinal	RO5
Sumber Data	Rujukan daripada pandangan ulama terdahulu, sarjana moden dan perundangan semasa	Rujukan daripada pandangan ulama terdahulu, sarjana moden dan perundangan semasa.	Rujukan daripada perundangan sivil dan penulisan kontemporari, buku, artikel, web jurnal dan lain-lain	Hasil analisis data dari 01, 02 dan 03
Data	Mentah	Mentah	Mentah	Sekunder
Metode Analisis Data	Deskriptif			Deduktif
Hasil Analisis	Konsep Dokumen Persendirian dan Penerimaannya sebagai kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah	Konsep Hibah dan Pelaksanaan di Malaysia	Pemakaian kebolehterimaan Dokumen Persendirian dalam kes-kes Hibah	Garis Panduan
Dapatan Akhir				
Garis Panduan Kebolehterimaan Dokumen Persendirian dalam Kes Hibah di Mahkamah Syariah, Malaysia				

Rajah 1: Metodologi Kajian

Gabungan sumber data ini mampu mengeluarkan satu garis panduan yang kukuh berkaitan kajian pengkaji berkaitan konsep dan pemakaian dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Bagi mengukuhkan dapatan, pengkaji menggunakan data yang diperolehi daripada rujukan-rujukan kes di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang muktamad dan tidak dirayu dalam membuat kesimpulan akhir berkaitan kajian ini.

1.10. Rumusan

Pengkaji mendapati masih tiada kajian dibuat berkaitan dengan konsep dokumen persendirian dan pemakaiannya dalam kes-kes hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. Bahkan masih tiada lagi sebarang perbincangan khusus berkaitan dengan konsep hibah secara jelas berdasarkan undang-undang yang ada. Pengkaji mendapati juga tiada sebarang kajian yang menggabungkan kedua-dua isu—dokumen persendirian dan hibah—sebagai satu topik dalam satu kajian yang sama. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi membantu semua pihak yang berkepentingan untuk memahami perkara-perkara yang diperlukan semasa membuat permohonan pengesahan hibah yang menggunakan dokumen persendirian di Mahkamah Syariah di Malaysia. Pengkaji akan membahaskan pemakaian dokumen persendirian menurut pandangan fiqh dan undang-undang dalam bab kedua bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah dirancang.